

## Ibu Bapa Diabaikan, Siapakah Yang Bersalah?



Oleh: Faridah Abdullah

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 11 Jun 2021*

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penghuni pusat jagaan warga emas telah meningkat kepada 6,927 orang pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017, hanya seramai 6,518 orang sahaja.

Kebanyakan warga emas yang menghuni pusat jagaan ialah golongan yang terbiar dan dibuang. Kajian yang diterbitkan dalam *Lancet Global Health* mendapati, kira-kira 4.2 peratus warga emas yang berusia lebih 60 tahun diabaikan oleh penjaga mereka.

Beberapa faktor pengabaian warga emas telah disenaraikan dalam Jurnal Intelek pada tahun 2006. Atarannya adalah anak-anak sibuk dengan tugas harian, ibu bapa dianggap sebagai bebanan, anak-anak kurang nilai agama dan kes dendam.



Gambar hiasan.

Selain itu, dari perspektif Islam, pengabaian terhadap ibu bapa merupakan satu perkara yang ditegah. Hal ini kerana, kedudukan ibu bapa adalah tinggi di sisi Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 8, “Dan kami wajibkan manusia berbuat kebaikan kepada kedua ibu bapanya.”

Al-Sha’rawi ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa, suruhan kepada anak-anak supaya berbuat kebaikan adalah suruhan berbentuk *taklif* iaitu wajib dilaksanakan.

Pada awal bulan Mei yang lalu, Buletin Utama TV3 telah memaparkan temu bual bersama seorang warga emas di Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas yang mendakwa bahawa dia mempunyai sembilan orang anak. Namun tiada yang sanggup menjaganya, sebaliknya diabaikan di hospital.

Kemudian, menantu kepada warga emas tersebut telah membuat kenyataan dalam laman *Facebook* miliknya. Dia mengatakan bahawa bukan mereka yang membuang warga emas tersebut, tetapi perkara sebaliknya yang berlaku.

Malah, warga emas itu juga dikatakan sering memaki hamun anaknya. Tambahan pula, rumah tangga anak bongsunya itu juga hampir musnah disebabkan olehnya.

Berdasarkan kisah yang tular ini, siapa sebenarnya yang bersalah? Ibu bapa atau anak-anak? Hakikatnya, inilah yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini.

Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu Islam. Maka ibu bapanyalah yang mencorakkannya. Sama ada Yahudi, Nasrani atau Majusi.” (Riwayat Ibnu Majah)

Apabila anak derhaka kepada ibu bapa, maka ia akan menimbulkan penyakit sosial dalam masyarakat. Anak-anak bukan sahaja tergamak membuang ibu bapa di kawasan awam, malah ada juga yang sanggup membunuh ibu bapa mereka sendiri.

Penasihat syariah, Dr Zaharuddin Abd Rahman menyatakan dalam tulisannya yang bertajuk ‘Ulama & Penjenayah Dibentuk Dari Rumah’ bahawa, “Hormatilah anakmu, nescaya kamu akan dihormati. Ibu bapa perlu menggunakan cara yang betul semasa memberi arahan kepada anak. Jika ibu bapa kasar terhadap anak-anak, maka kasar jugalah anak-anak terhadap ibu bapanya kelak.

Daripada Anas Bin Malik, Rasulullah SAW pernah bersabda: “Muliakanlah anak-anak kamu dan tunjukkanlah pada mereka adab yang baik.” (Riwayat Ibnu Majah)

Oleh itu, sebagai anak yang kelak bakal menjadi ibu bapa, kita seharusnya sentiasa menghargai ibu bapa kerana mereka adalah anugerah yang Allah SWT kirimkan kepada setiap insan.

Justeru itu, menjadi kewajipan bagi anak-anak untuk terus berbakti dan berkhidmat kepada ibu bapa. Ini kerana, Allah SWT akan mempercepatkan balasan dosa orang yang menderhakai ibu bapa.

Biarpun perit, teruskan bersabar. Yakinlah bahawa Allah SWT akan memberi ganjaran terhadap kesabaran.

Ibu bapa juga sewajarnya memberi didikan dan menunjukkan akhlak yang baik kepada anak-anak. Wujudkan keharmonian dalam keluarga.

Berdoalah kepada Allah SWT agar dikurniakan zuriat yang sentiasa menjaga dan memahami agama.